

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN
ABDULLAH

TARIKH : 21 APRIL 2016 (RABU)

SOALAN : 54

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa banyakkah pejabat-pejabat Kerajaan yang telah dibekalkan dengan sistem WIFI percuma di seluruh Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini tidak melaksanakan mana-mana program yang membekalkan perkhidmatan WiFi secara percuma di pejabat-pejabat Kerajaan melainkan program WiFi Komuniti (WK) yang sebelum ini dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia. Program WK lebih tertumpu kepada penyediaan akses Internet secara *hotspot* dengan capaian liputan terhad secara kolektif kepada komuniti setempat di kawasan tumpuan seperti Perpustakaan Desa, balai raya dan pusat komuniti di kampung-kampung terpilih di seluruh Malaysia.